



**PEKELILING
BAHAGIAN KAWALSELIA KESELAMATAN ELEKTRIK
SURUHANJAYA TENAGA**

BILANGAN: 3 TAHUN 2007

**PEKELILING MENGENAI PEMBERHENTIAN
PENGELUARAN PERAKUAN KEKOMPETENAN
PENJAGA JENTERA TERHAD.**

Suruhanjaya Tenaga
Tarikh: 12 Jun 2007

Diedar dan dikelilingkan kepada:
Pengarah-Pengarah Pejabat Kawasan,
Suruhanjaya Tenaga.

SEMUA PENGARAH KAWASAN

PEKELILING BILANGAN: 3 TAHUN 2007 KAWALSELIA KESELAMATAN ELEKTRIK

PEKELILING MENGENAI PEMBERHENTIAN PENGELUARAN PERAKUAN KEKOMPETENAN PENJAGA JENTERA BERHAD.

TUJUAN

Surat pekeliling ini adalah bertujuan memaklumkan kepada semua Pejabat Kawasan mengenai pemberhentian pengeluaran Perakuan Kekompetenan Penjaga Jentera Terhad.

LATAR BELAKANG

2. Suruhanjaya Tenaga (ST) telah memberi kebenaran kepada Jurutera Perkhidmatan Elektrik, Jurutera Elektrik Kompeten dan Penyelia Elektrik untuk menjalankan peperiksaan kekompetenan Penjaga Jentera Elektrik Terhad kepada calon-calon yang sedang bekerja di pemasangan elektrik dimana calon dan pemasangan elektrik tersebut di bawah penyeliaannya dan seterusnya mengemukakan syor kepada Pengarah Kawasan ST berkenaan. Pengarah Kawasan ST berkenaan akan mengemukakan Kertas Jawatankuasa Peperiksaan (Keputusan Peperiksaan) kepada Unit Kekompetenan, Jabatan Keselamatan Elektrik, Suruhanjaya Tenaga untuk diproses dan dikeluarkan Perakuan Kekompetenan Penjaga Jentera Terhad kepada calon-calon yang lulus.

3. Pengeluaran perakuan kekompetenan Penjaga Jentera Terhad ini adalah bertujuan untuk membantu pihak syarikat/pepasangan yang tidak boleh mendapat khidmat Penjaga Jentera yang diperlukan pada masa tersebut sedangkan ia mempunyai pekerja yang berpengalaman di syarikat atau pemasangan berkenaan. Disebabkan kekurangan Penjaga Jentera di pasaran pada masa tersebut, pekerja-pekerja ini telah diuji dan disyorkan untuk dianugerahkan dengan perakuan kekompetenan Penjaga Jentera Terhad bagi memenuhi keperluan sepertimana yang dikehendaki di bawah Peraturan 60, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

4. Penjaga Jentera Terhad ini adalah dibenarkan untuk bekerja di pemasangan atau syarikat berkenaan dan hendaklah didaftarkan perakuan kekompetenan dengan pejabat kawasan Suruhanjaya Tenaga yang berdekatan sepertimana yang dikehendaki di bawah Peraturan 63, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

5. Kini terdapat lebih 30,400 orang Penjaga Jentera Elektrik yang terdiri daripada pelbagai kategori di pasaran, dan juga terdapat peperiksaan kekompetenan Penjaga Jentera Elektrik terbuka untuk diduduki oleh calon-calon yang layak. Dengan demikian, tujuan pengeluaran seperti yang dinyatakan di perenggan 3 kini adalah tidak relevan lagi.

PELAKSANAAN

6. Selaras dengan itu, Suruhanjaya telah memutuskan bahawa pengeluaran perakuan kekompetenan Penjaga Jentera Elektrik Terhad akan diberhentikan bermula dari tarikh Pekeliling ini.

7. Sehubungan itu, pihak tuan hendaklah tidak lagi menerima permohonan dan mengemukakan Kertas Jawatankuasa Peperiksaan (Keputusan Peperiksaan) kepada Unit Kekompetenan, Jabatan Keselamatan Elektrik bagi tujuan pengeluaran perakuan kekompetenan Penjaga Jentera Terhad. Pihak tuan juga hendaklah memaklumkan kepada semua pemunya pemasangan supaya kakitangannya yang berkelayakan boleh menduduki peperiksaan kekompetenan secara terbuka yang dijalankan oleh ST atau melalui institusi-institusi yang ditauliah seperti ILSAS(TNB), UniKL-BMI, ILP/ADTEC(Jabatan Tenaga Manusia) dan IKBN/IKTBN(Kementerian Belia dan Sukan).

8. Semua pemegang perakuan kekompetenan Penjaga Jentera Elektrik Terhad yang dikeluarkan sebelum ini boleh mendaftar dan menjalankan apa-apa kerja yang dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

TARIKH KUATKUASA

9. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.



(Ir. AHMAD FAUZI BIN HASAN)
Pengarah Kanan (Gas dan Keselamatan)
b.p. Suruhanjaya Tenaga

s.k. YBhg. Dato' Pengerusi